

MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	13 Jan 2017	Readership	563,000
Circulation	171,663	Color	Full Color
Section	Mega	ArticleSize	423 cm ²
Page No	17	PR Value	RM 25,081
AdValue	RM 8,360		



Institusi tahfiz perlukan lonjakan transformasi

INSTITUSI tahfiz tetap memerlukan transformasi dan pendekatan baharu untuk meneruskan kelangsungan dalam era moden ini bagi mengangkat kedudukan al-Quran ke tahap yang sepatutnya.

Penelitian yang cermat dan jelas perlu dibuat untuk melihat apa yang perlu berubah dan apa pula yang perlu dikekalkan agar institusi tahfiz yang dibangunkan berjaya mencapai objektif dan sasarnya.

“Jangan yang dikehjera tidak dapat dan yang dikendong akan bercinciran. Kerajaan akan rugi kerana telah membelanjakan peruntukan yang besar dan masyarakat pula tidak boleh mendapat faedah daripada program yang terlaksana itu.


“Justeru, institusi tahfiz perlu memberi fokus terhadap prinsip utama untuk melahirkan huffaz yang jika digabungkan dengan disiplin ilmu lain sekalipun tidak akan hilang ilmu al-Quran yang tersemat dalam jiwa mereka,” kata **Dr. Solahuddin Ismail**.

Ismail, pensyarah di Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.

Beliau membentangkan kertas kerja bertajuk, *Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*.



SOLAHUDDIN ISMAIL




RIADAH... pelajar tahfiz perlu aktif dalam rekreasi bagi meningkatkan tahap kecerdasan otak dan badan. - GAMBAR HIASAN

Institusi tahfiz sama ada kerajaan atau swasta mesti berubah agar sejajar dengan keperluan semasa masyarakat masa kini.

Justeru beberapa aspek dicadangkan bagi tujuan penambahbaikan dan pengukuhan institusi tahfiz di Malaysia.

- Mendaftarkan semua institusi tahfiz
- Penyelarasan kurikulum
- Mewujudkan satu standard sijil tahfiz
- Memperkenal program kemahiran.



MEMBACA al-Quran beramai-ramai antara kaedah yang digunakan untuk hafalan. - GAMBAR HIASAN



DARUL QURAN di Kuala Kubu Bharu, Selangor.